

NAMA CALON

NO KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

TINGKATAN

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN SERAYA
AMPANG, SELANGOR**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2015
TINGKATAN LIMA
TASAWWUR ISLAM
Kertas 1
September

5226/1

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama, nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab semua bahagian.
4. Bahagian A mengandungi 20 soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul.
5. Bahagian B mengandungi 20 soalan. Jawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan Bahagian A dan 45 minit untuk Bahagian B.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Nama pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
A	20	20	
B	20	20	
JUMLAH		40	

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Bahagian A
[20 Markah]

- 1 Manakah pernyataan berikut menerangkan fitrah beragama dalam diri manusia?
- A Naluri ingin menyelesaikan masalah
 - B Naluri mengakui kewujudan Allah SWT
 - C Naluri ingin mencari sesuatu yang baru
 - D Naluri ingin mencapai kebahagiaan hidup
- 2 Antara berikut manakah rasul Ulul Azmi ?
- A Nuh a.s. - Musa a.s. - Sulaiman a.s. - Muhammad SAW
 - B Musa a.s. - Nuh a.s. - Ibrahim a.s. - Muhammad SAW
 - C Nuh a.s. - Isa a.s. - Sulaiman a.s. - Muhammad SAW
 - D Isa a.s. - Daud a.s. - Ismail a.s. - Muhammad SAW
- 3
- Melakukan pelbagai pekerjaan mengikut kepakaran, melaksanakan penyelidikan sains dan teknologi serta mencipta perkakasan untuk kemudahan manusia
- Situasi di atas menggambarkan
- A Cara melaksanakan amanah Allah s.w.t
 - B Kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t
 - C Langkah meningkatkan kualiti kerja
 - D Etika kerja dalam Islam
- 4 Maksud yang tepat bagi perkataan insan ialah
- A makhluk istimewa yang boleh berfikir dan mempunyai kehendak
 - B makhluk istimewa yang boleh berfikir dan berkemampuan menerima ilmu
 - C makhluk istimewa yang berkemampuan menerima ilmu dan mempunyai kehendak
 - D makhluk istimewa yang boleh berfikir dan berkemampuan menerima ilmu dan mempunyai kehendak
- 5 Pilih pernyataan yang berkaitan dengan hikmat kerahsiaan alam ghaib.
- I mengukuhkan ketakwaan kepada Allah s.w.t.
 - II menguji keimanan orang-orang fasik.
 - III menilai ketaatan hamba-hamba-Nya.
 - IV meningkatkan ilmu pengetahuan.
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

- 6 Contoh memulihara alam ialah
- A merancang kawasan pembangunan untuk mengelak banjir
 - B menghad penebangan hutan supaya mengelak bencana alam
 - C menimbus kawasan lombong untuk kawasan pertanian dan perumahan
 - D mengawal pelepasan asap kilang sebagai usaha mengelak pencemaran udara
- 7 Pernyataan di bawah menunjukkan prinsip Rabbaniyyah **kecuali**
- A Islam menjamin hak asasi manusia
 - B Islam agama wahyu bukan ciptaan manusia
 - C Allah SWT yang menyediakan peraturan hidup
 - D Seluruh makhluk merupakan hak milik Allah SWT
- 8 Antara yang berikut yang manakah **bukan** peranan wahyu
- A Mendidik manusia berakhlak mulia
 - B Menaakul, menyelidik dan mentadbir alam ini
 - C Membetulkan akidah manusia yang telah rosak
 - D Menerangkan cara-cara beribadat kepada Allah SWT
- 9 Pernyataan manakah yang **tidak** selari dengan konsep murunah
- A Memakai pakaian berfesyen yang menutup aurat
 - B Melaksanakan solat secara jamak ketika musafir
 - C Berbuka puasa kerana tidak mampu menahan kesakitan
 - D Tidak makan makanan haram ketika darurat
- 10 Ciri hadis yang tidak boleh dijadikan asas akidah ialah
- A Gugur perawi daripada sanadnya
 - B Terpelihara daripada sebarang illat
 - C Diriwayatkan oleh perawi yang thiqah
 - D Sanadnya bersambung terus kepada Rasulullah SAW
- 11 Antara kesan buruk kepada individu apabila akal tidak berpandukan wahyu ialah
- A ekonomi negara akan merosot
 - B hidup terumbang ambing dan jahil
 - C Allah SWT tidak akan permudahkan rezeki
 - D hilang rasa hormat dalam kalangan masyarakat

12 Manakah di antara berikut ciri-ciri kesempurnaan ibadat.

- I Memenuhi tuntutan syarak
- II Niat ikhlas kerana Allah SWT
- III Ihsan semasa melakukan ibadat
- IV Melakukan ibadat secara berjemaah

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

13 Matlamat utama sistem kehakiman Islam adalah .

- A menegakkan keadilan menentang kezaliman
- B Memupuk nilai-nilai bekerjasama dalam masyarakat
- C Melahirkan masyarakat yang mengamalkan cara hidup Islam
- D Mengatur kehidupan manusia atas dasar amar makruf nahi mungkar

Al-Quran , Al-Hadis, Al-Ijmak dan Al-Qias

14

Perkara di atas berkaitan dengan

- A Langkan penyelesaian masalah
- B Sumber penyelesaian masalah
- C Matlamat penyelesaian masalah
- D Kemampuan Islam menyelesaikan masalah

15

Sesuai diamalkan bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman

Pernyataan di atas menerangkan maksud

- A Murunah
- B Waqi'iyah
- C Alamiyyah
- D Syumuliyah

16 Mengapakah penyelesaian masalah mesti dilakukan secara Islam ?

- A Masalah dapat diselesaikan secara menyeluruh
- B Masalah dapat diselesaikan dengan mudah
- C Masalah tidak menjadi lebih teruk
- D Masalah dapat dikawal

- 17 Antara tujuan sistem muamalah Islam ialah
- A melicinkan urusan manusia mencari harta
 - B mengajar manusia supaya hidup bersatu padu
 - C memberi peluang melakukan aktiviti ekonomi mereka
 - D menggalakkan orang berharta membantu golongan orang kurang upaya
- 18 Perpecahan ummah dalam sesebuah negara boleh diatasi dengan cara
- A membangunkan ekonomi negara
 - B menunaikan semua permintaan rakyat
 - C mengadakan majlis sukan dan kebudayaan
 - D melaksanakan keadilan kepada semua rakyat
- 19 Bagaimanakah Islam menganjurkan umatnya supaya memelihara nyawa?
- I Menjaga batas pergaulan
 - II Sentiasa berfikiran rasional
 - III Menjaga keselamatan dan kesihatan diri
 - IV Menjauhi perbuatan yang merosakkan diri
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

20

Ahmad telah menuduh rakannya yang telah berkahwin melakukan zina tanpa sebarang bukti

Apakah hukuman yang boleh dikenakan ke atas Ahmad menurut Islam?

- A Disebat 40 kali
- B Disebat 80 kali
- C Direjam sampai mati
- D Dipenjara dalam tempoh tertentu

Bahagian B
[20 markah]

Soalan 21 hingga 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

Al Ijtihad	Al Murabahah	Sekularisme
Al Wadiah	Waqi'iyah	Fatwa

- | | | | |
|----|---|--|---|
| 21 | Seorang pemilik ladang menjual ladangnya dengan mengambil keuntungan 10% daripada harga asal ladang tersebut. | | 1 |
| 22 | Memberi peluang kepada ulamak untuk mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran dan al-hadis. | | 1 |
| 23 | Islam bersifat praktikal mampu diamalkan oleh semua golongan manusia. | | 1 |
| 24 | Fahaman yang memisahkan urusan keduniaan dengan urusan keagamaan. | | 1 |

Soalan 25 hingga soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut:

Ghaib	Rabbaniyyah	Harta
Rububiyah	Musyahadah	Hak Milik

- | | | |
|----|--|---|
| 25 | Alam yang boleh ditanggapi oleh pancaindera dikenali sebagai alam _____. | 1 |
| 26 | _____ ialah anugerah Allah SWT kepada manusia dan ianya boleh dimiliki melalui usaha dan ikhtiar. | 1 |
| 27 | Sesuatu harta yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hambaNya untuk dimiliki dan dimanfaatkan. _____. | 1 |
| 28 | _____ membawa maksud ketuhanan iaitu segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam. | 1 |

Soalan 29 dan soalan 30

Carta di bawah menunjukkan langkah dalam penyelesaian masalah.



Berdasarkan carta di atas,

29 R ialah _____

30 S ialah _____

Soalan 31 dan soalan 32 berdasarkan jadual di bawah

Tulis jawapan anda pada ruangan yang disediakan berdasarkan jawapan yang diberi.

40	80	20	25
----	----	----	----

31 Hukuman kepada penuduh zina (Qazaf) disebut _____ kali.


	1
--	---

32 Bilangan rasul yang wajib kita imani _____ orang.

	1
--	---

Soalan 33 dan soalan 34 berdasarkan rajah di bawah.

Tuliskan jawapan anda pada ruangan yang disediakan berkaitan nilai-nilai luhur dalam Sistem Sosial Islam.



33 P ialah _____


34 Q ialah _____

1

1

Soalan 35 dan soalan 36 berdasarkan jadual berikut.

Carta berikut adalah elemen penting dalam Pembentukan Negara Islam.



35 Y ialah _____

36 Z ialah _____

1

1

Soalan 37 hingga soalan 40

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **BETUL**.

Tandakan (×) pada pernyataan yang **SALAH**.

- 37 Perundangan Islam bersifat tetap dan kekal hingga ke akhirat.
- 38 Mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan keturunan keluarga yang ramai.
- 39 Ibadat dalam Islam boleh dilakukan mengikut kehendak manusia.
- 40 Pelaksanaan perundangan Islam belum tentu menjamin keharmonian hidup.

KERTAS SOALAN TAMAT